



**TEKS UCAPAN
YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR PERLIS
SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN
PERINGKAT NEGERI PERLIS
TAHUN 2024**

30 OGOS 2024 / 25 SAFAR 1446H (JUMAAT)

10.00 MALAM

KOMPLEKS SUKAN TUANKU SYED PUTRA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

SALAM PERLIS, “RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU”

Dengan penuh hormat dan takzimnya patik mengadap,

Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail,

Dan
Mengadap,

Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Raja Puan Muda Perlis,
Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Ampun Tuanku,

Patik mewakili Kerajaan Negeri Perlis dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli – Duli Tuanku berangkat ke Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Perlis Tahun 2024 pada malam ini.

Ampun Tuanku,

Patik pohon ampuni limpah perkenan Duli – Duli Tuanku untuk patik meneruskan ucapan kepada hadirin-hadirat yang hadir pada malam ini.

Ampun Tuanku.

Yang Amat Mulia Syed Sirajuddin Areeb Putra Al-Haj Jamalullail,

Yang Amat Mulia Hajah Sharifah Khatreena Nuraniah Jamalullail,

Yang Berhormat Tuan Rus'sele bin Eizan,
Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis dan Yang Berbahagia Isteri;

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim,
Mantan Menteri Besar Perlis dan Yang Berbahagia Datin Seri,

Yang Berhormat Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan,
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Pasangan,

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Pasangan,
Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan,
Wakil media,

Dif-dif jemputan,

Para peserta perbarisan,

Tuan-tuan, Puan-puan,

Dan seluruh rakyat Negeri Perlis yang dikasihi sekalian.

1. **Alhamdulillah,** setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama meraikan Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Perlis Tahun 2024.

2. **Saya** mewakili barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Perlis ingin mengambil kesempatan, untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua jawatankuasa kerja yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. **Terima kasih** juga kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir pada malam ambang merdeka ini bagi sama-sama menyambut hari yang penuh bersejarah, Hari Kebangsaan.

Hadirin sekalian,

Perpaduan Dalam Kepelbagaian

3. **Malaysia** merupakan negara yang bertuah, termasuklah kita sebagai rakyatnya. **Dengan** kepelbagaian budaya, bahasa, tradisi dan agama, kita mempunyai keunikan yang perlu dipelihara dan dihormati sesama kita. **Kepelbagaian** ini adalah sumber kekuatan dan asas identiti kebangsaan kita. **Perjuangan** dan pengorbanan nenek moyang kita wajar disanjung, agar semangat ini diteruskan dan diwarisi kepada generasi akan datang. **Seperti** firman Allah dalam Surah Al-Hujurat, Ayat 13:

“Wahai manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, Dan kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan berpuak-puak, supaya kamu saling berkenalan, Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah dalam kalangan kamu ialah

orang yang paling bertaqwa, Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagiMaha Mendalam Pengetahuannya.”

Patriotisme Tanggungjawab Semua

4. **Semangat** patriotisme bukan sekadar mengibarkan bendera atau menyanyikan lagu kebangsaan. **Ia** adalah tentang mencintai dan menjaga negara kita dengan sepenuh hati. **Patriotisme** juga bermakna mengambil tanggungjawab untuk membantu sesama kita. **Di sinilah** nilai-nilai murni dan ajaran Islam mengajar kita untuk membantu yang memerlukan, yang kaya membantu yang miskin, yang kuat membantu yang lemah. **Bak kata pepatah**, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. **Seperti** firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Ma’idah, ayat 2 yang bermaksud:

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong- tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allahmaha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).”

5. **Dalam** usaha untuk memastikan kemajuan dan kesejahteraan rakyat, Kerajaan Negeri Perlis telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang berpandangan jauh. **Kerajaan Negeri Perlis** mengambil serius dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi bekalan air. **Sebagai** contoh, paip uzur akan diganti, masalah kebocoran air tidak terawat dan tekanan air rendah akan dapat diselesaikan. **Kerajaan** juga telah berjaya mengurangkan 1.73 peratus Kadar Air Tidak Terhasil (NRW) sejak 2023 hingga Jun 2024 ini. **Usaha** ini adalah contoh bagaimana kita boleh bekerja bersama-sama demi kesejahteraan semua rakyat, memastikan setiap orang mendapat akses kepada kemudahan asas yang berkualiti.

6. **Satu** lagi inisiatif penting daripada Kerajaan Negeri iaitu Tahun Melawat Perlis 2024-2025. **Program** ini bertujuan untuk memperkenalkan negeri Perlis kepada pelancong dari dalam dan luar negeri. **Negeri Perlis**, walaupun kecil, kaya dengan keunikan dan keindahan alam semula jadi. **Negeri** kita ni sememangnya indah, seperti *tagline* lagu **Kota Gapura Utara**, “**Perlis Damai dan Menawan, Membuat Hati Tertawan**”.

7. **Kejayaan** Tahun Melawat Perlis kuncinya terletak ditangan kita semua. **Jaga kebersihan**, beri layanan mesra dan santuni pelancong sebaiknya. **Buatkan** mereka rasa, sekali dah mai Perlis, pakat nak mai lagi.

Refleksi Kemerdekaan Malaysia dan Isu Palestin

Hadirin sekalian,

8. **Dalam** kita meraikan kemerdekaan, marilah kita juga merenung nasib saudara-saudara kita di Palestin. **Isu** Palestin bukan hanya isu agama, tetapi isu kemanusiaan yang perlu difahami dan dihayati. **Perjuangan** mereka untuk mendapatkan kebebasan daripada ditindas, mengingatkan kita tentang betapa berharganya kemerdekaan yang kita miliki. **Saya** menyeru, supaya kita semua sentiasa menyokong dan bersolidariti terhadap perjuangan rakyat Palestin dalam mencari keamanan dan keadilan.

9. **Perjuangan** untuk kemerdekaan bukan sahaja tentang kebebasan fizikal, tetapi juga kebebasan minda dan jiwa. Islam mengajarkan kita untuk memperjuangkan keadilan dan membantu mereka yang tertindas seperti yang disebut dalam Al-Quran, Allah SWT berfirman dalam Surah Ali 'Imran, ayat 104:

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang burukdan keji. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orangyang berjaya”

Penutup

10. **Hari ini**, semasa kita mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh perasaan bangga, marilah kita ingat bahawa kemerdekaan yang kita nikmati pada hari ini, bukan sekadar satu peristiwa sejarah, tetapi satu perjalanan yang berterusan. **Marilah** kita terus bersatu padu, bekerjasama, dan saling membantu antara satu sama lain, demi masa depan Malaysia yang lebih cemerlang

11. **Selamat** Hari Kebangsaan yang ke-67 tahun! **Semoga** Allah memelihara kemerdekaan ini agar Malaysia termasuklah Negeri Perlis, terus maju, aman dan sejahtera.

12. **Izinkan** saya menyampaikan serangkap pantun buat seluruh rakyat Perlis, sebagai penutup bicara kepada ucapan saya pada malam ini.

Kota Gapura Utara diberi nama,
Negeri Perlis damai dan menawan,
Perpaduan tanggungjawab kita bersama,
Hargai kemerdekaan perjuangan pahlawan.

Ampun Tuanku,

Demikianlah sembah ucapan patik.

Sekali lagi patik merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat ke majlis pada malam ini.

Sekian, wabillahitaufik wal hidayah, wassalamu alaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

Menjunjung Kasih Tuanku,

Ampun Tuanku.